

**DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

RAYUAN JENAYAH NO.: 11500-143-XXXX-2020

ANTARA

**ABCD BINTI WXYZ
NO. KP: 1234567**

PERAYU

DENGAN

**KETUA PENDAKWA SYARIE
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH TERENGGANU**

PENENTANG RAYUAN

**(DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH MARANG
JENAYAH NO.: 11008-143-XXXX-2017)**

ANTARA

**KETUA PENDAKWA SYARIE
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH TERENGGANU**

PENDAKWA SYARIE

DENGAN

**ABCD BINTI WXYZ
NO. KP: 1234567**

ORANG KENA TUDUH

DI HADAPAN YANG ARIF

TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN SMT, AMZ, PJK.

HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KUALA TERENGGANU

TERENGGANU DARUL IMAN

PADA HARI ISNIN, 28 MUHARRAM 1443H

BERSAMAAN 6 SEPTEMBER, 2021

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] **KES RAYUAN JENAYAH** ini didengar di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu dengan kehadiran Perayu bersama Peguam Syarie, Encik Wan Mohd Azziadi bin Wan Abd Jalil dari Tetuan Wan Mohd Azziadi & Co., dan Pendakwa Syarie, Tuan Khasmizan bin Abdullah dari Jabatan

Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

Dalam kes ini, Perayu telah terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang terhadap keseluruhan keputusan/hukuman iaitu hukuman yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara ke atas Perayu (Tertuduh). Perayu, ABCD binti WXYZ, No. KP: 1234567 adalah orang kena tuduh di bawah seksyen 31 (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang, Tertuduh mengesahkan bahawa dia faham akan pertuduhan dan mengaku bersalah. Pada tarikh 24 Januari 2017, Perayu telah disabitkan bersalah oleh Hakim Mahkamah Syariah Daerah Marang, Terengganu atas kesalahan khalwat dan dijatuhkan dengan hukuman ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan.

- [2] Dalam kes ini Perayu telah terkilan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang terhadap keseluruhan keputusan/hukuman iaitu sabitan hukuman ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan yang telah diputuskan oleh Hakim Bicara ke atas Perayu. Perayu ABCD binti WXYZ, No. KP: 1234567 adalah orang kena tuduh di bawah seksyen 31 (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, dan tertuduh ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang mengesahkan faham akan pertuduhan yang dibacakan dan mengaku bersalah. Pada 24 Januari 2017, tertuduh telah disabitkan bersalah oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang, Terengganu atas kesalahan khalwat di bawah seksyen yang sama dan dijatuhkan dengan hukuman ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan.

[FAKTA KES]

- [3] Perayu telah didakwa di atas pertuduhan di hadapan Hakim Bicara dengan pertuduhan seperti berikut:

“Bahawa kamu pada tarikh 8.10.2016 jam lebih kurang 1.16 pagi didapati berada bersama dengan seorang lelaki yang bukannya suami kamu atau mahram kamu iaitu FGHI Bin JKLM, Kp: 111213 bertempat di dalam sebuah bilik No. 4, Chalet Tiang Tembesu, Jalan Bukit Khor, 21600 Marang, Terengganu yang mana pada ketika itu keadaan tersebut boleh menimbulkan syak bahawa kamu sedang melakujab perbuatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan khalwat di bawah Seksyen 31 (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.

- [4] Pertuduhan tersebut telah didengar di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang pada 24 Januari 2017 dengan kehadiran Perayu tanpa diwakili Peguam Syarie. Setelah pertuduhan dibacakan ke atas Perayu, Perayu mengaku faham pertuduhan dan mengaku bersalah. Atas pengakuan faham akan pertuduhan serta pengakuan bersalah Perayu Hakim Bicara telah memberi satu penghakiman berkaitan pertuduhan kesalahan Jenayah Syariah dengan kesalahan khalwat sebagaimana berikut:

Hukuman terhadap Tertuduh:

***SAYA SABITKAN** kamu, ABCD binti WXYZ, No. KP: 1234567 dengan kesalahan jenayah khalwat di bawah seksyen 31 (b) Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 di atas iqrar (pengakuan salah) kamu, **DAN SAYA HUKUM** ke atas kamu dengan **hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan** mulai hari ini.*

- [5] Perayu tidak berpuas hati dengan penghakiman dan hukuman tersebut, Perayu telah memfailkan Notis Rayuan pada hari yang sama, 24 Januari 2017, yang mana rayuan adalah terhadap keseluruhan penghakiman dan hukuman yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang tersebut.

[6] Seterusnya, Perayu dalam Petisyen Rayuannya telah mengemukakan lapan (8) Alasan Rayuan agar dipertimbangkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara terhadap Perayu. Alasan-Alasan tersebut dinyatakan seperti berikut:

- i. Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang telah terkhilaf dari segi fakta apabila tidak meneliti latar belakang Perayu dengan lebih lanjut dengan memberikan hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan. Hukuman tersebut terlalu berat bagi kesalahan kali pertama yang dilakukan oleh Perayu yang berumur 23 tahun pada masa tersebut.
- ii. Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila tidak mempertimbangkan pengakuan bersalah dan rasa insaf Perayu di atas kesalahan yang dilakukan apabila menjatuhkan hukuman di bawah seksyen 31 (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ke atas Perayu yang mana Perayu dikenakan hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan bermula dari tarikh hukuman dibuat. Hukuman tersebut sepatutnya boleh dielakkan bagi kes pengakuan bersalah dan ianya juga menjimatkan masa dan tenaga semua pihak yang terbabit secara langsung termasuk pihak Mahkamah dan pihak Pendakwa Syarie sendiri.
- iii. Perayu telah pun bertaubat dengan perbuatannya dan berjanji tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Keinsafan di pihak Perayu ini haruslah diberikan pertimbangan oleh Mahkamah Yang Mulia ini memandangkan tujuan hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan adalah untuk memberi pengajaran kepada pesalah agar mereka lebih berhati-hati dalam melakukan sesuatu perbuatan. Dengan hukuman tersebut juga mereka akan takut untuk melakukan kesalahan pada masa hadapan dan ini akan membantu dalam mencegah seseorang dari melakukan kesalahan dan tabiat buruk kepada tabiat yang baik yang direndhai oleh Allah SWT. Terdapat sesetengah pesalah telah pun

menyedari dan menyesali serta bersedia untuk berubah pada hari mereka ditangkap.

- iv. Dalam kes ini, Perayu telahpun berubah dan sedar akan kesilapan beliau pada masa yang lalu dan akan mengambil iktibar daripada peristiwa hitam yang pernah berlaku di dalam hidupnya sebelum ini. Perayu seterusnya berjanji akan berusaha menjadi seorang wanita Islam yang lebih baik dan akan berusaha sebaik mungkin melakukan amalan-amalan yang diredhai oleh Allah SWT bagi menebus kesalahan beliau di masa lalu.
- v. Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menasihati dan memberi peluang kepada Perayu untuk mendapatkan nasihat perundangan atau khidmat peguam sebelum mengambil pengakuan bersalah.
- vi. Perayu juga sepanjang menunggu rayuan kes ini dibicarakan sentiasa berada di dalam keadaan tertekan dan sentiasa memikirkan apakah nasib Perayu jika sekiranya keputusan Hakim Bicara terdahulu dikekalkan. Tekanan yang dialami oleh Perayu boleh dianggap sebagai hukuman secara tidak langsung kepada Perayu dan hendaklah dipertimbangkan sebagai salah satu faktor bagi Mahkamah Yang Mulia ini mengakaskan hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan.
- vii. Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat keputusan apabila tidak meneliti dengan lebih lanjut latar belakang Perayu yang mempunyai seorang bapa yang mengalami penyakit angin ahmar (strok). Perayu sekarang ini bergilir-gilir dengan adik-beradiknya menjaga bapa Perayu yang perlu mendapatkan rawatan susulan di hospital. Jika sekiranya beliau dikenakan hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan, sudah tentu akan mendatangkan kesusahan kepada keluarga Perayu.

- viii. Perayu juga dalam proses untuk berkahwin dengan pasangannya iaitu FGHI bin JKLM yang merupakan pasangan beliau semasa ditangkap. Perayu cuba melupakan peristiwa hitam yang berlaku dan memulakan kehidupan baharu dan hidup bahagia seperti pasangan suami isteri yang lain.
- [7] Pihak Penentang Rayuan tidak memasukkan apa-apa Notis Rayuan Balas dan juga tidak mengemukakan apa-apa Petisyen Rayuan Balas terhadap Petisyen Rayuan Perayu. Justeru itu, di peringkat Notis Rayuan dan Petisyen Rayuan Perayu, tiada apa-apa jawapan atau balasan dibuat oleh Pihak Penentang Rayuan. Seterusnya Hujahan Rayuan telah dimasukkan oleh Perayu bersama Ikatan Autoriti, dan selepas itu Hujahan Rayuan balas difailkan oleh Penentang Rayuan bersama Ikatan Autoriti berkaitan.

[BIDANG KUASA MAHKAMAH]

- [8] Sebelum Mahkamah membuat analisa terhadap isu-isu yang dibangkitkan di dalam kes ini, adalah penting untuk Mahkamah menyentuh tentang bidang kuasa Mahkamah walaupun di dalam kes ini tidak dibangkitkan bantahan berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah. Hal ini bagi maksud menentukan bidang kuasa Mahkamah bagi memastikan keputusan yang dibuat nanti adalah menepati hukum Syarak dan undang-undang. Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada' fil Islam*, terbitan Matba'ah al-'Alamiyyah, Kaherah, 1964, muka surat 54 menyebut:

هو أن يخصص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذل بنوع معين من القضايا، كالأحوال أو الجنائي إلى غير ذلك، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غيره الشخصية، أو المدني، أو التخاري،

Maksud:

“Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas

perlantikan di buat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang diberi kepadanya”.

- [9] Berdasarkan peruntukan hukum Syarak di atas, di Malaysia khususnya Negeri Terengganu, undang-undang negeri telah memperuntukkan bidang kuasa yang diberikan oleh Pemerintah kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah. Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.
- [10] Mengikut hukum Syarak dan bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa Pemerintah diberi kuasa mengkhususkan kuasa Hakim termasuklah Hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seseorang Hakim itu. Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah dalam perkara Jenayah telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11 (3) (a) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 sebagai bidang kuasa asalnya yang memperuntukkan:

Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

11. (1) ...

(2) ...

(3) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah—*

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh

mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;

(b) ...

- [11] Seterusnya bidang kuasa jenayah Mahkamah Tinggi Syariah dalam mendengar kes-kes rayuan pula diperuntukkan dalam Seksyen 13 (1) (a) dan Seksyen 13 (2) (a) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang sama telah memperuntukan:

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah

13. (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Rayuan Syariah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pihak pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya.

(b) ...

(i) ...

(ii) ...

(iii) ...

(c) ...

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

(a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintah Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda hukuman, memerintah perbicaraan semula, atau meminda, atau mengakaskan apa-apa perintah Mahkamah perbicaraan; dan

(b) ...

- [12] Manakala Seksyen 138 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 telah menjelaskan tentang tatacara rayuan yang memperuntukan bahawa :

Tatacara rayuan

138. (1) *Tertakluk kepada seksyen 136 dan 137, mana-mana orang yang tidak berpuashati dengan mana-mana penghakiman, hukuman atau perintah yang diumumkan oleh mana-mana Mahkamah Rendah Syariah dalam sesuatu kes atau perkara jenayah yang kepadanya dia ialah suatu pihak, boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah terhadap penghakiman, hukuman atau perintah itu berkenaan dengan apa-apa kesilapan undang-undang atau fakta atau alasan bahawa mana-mana hukuman dikatakan keras berlebih-lebihan atau dikatakan tak memadai, dengan mengemukakan, dalam masa empat belas hari dari masa penghakiman, hukuman atau perintah itu dijatuhkan atau dibuat, kepada Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah itu suatu notis rayuan dalam lima Salinan yang dialamatkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.*

[13] Peruntukan Seksyen 138 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 tersebut telah menjelaskan tentang fungsi Mahkamah yang mendengar rayuan di dalam memutuskan sesuatu rayuan. Sebelum sesuatu rayuan diputuskan, Mahkamah hendaklah memastikan terlebih dahulu di dalam kes yang dirayu itu telah wujud apa-apa kesilapan undang-undang atau fakta atau atas alasan bahawa mana-mana hukuman yang diberikan oleh Hakim Bicara dalam sesuatu kes adalah keras berlebih-lebihan atau tidak memadai.

[14] Fungsi Mahkamah dalam mendengar rayuan ini juga telah dijelaskan di dalam kes **Mohd. Ibrahim bin Mohd. Sharif lwn. Pendakwa Syarie Pulau Pinang, CLJ [1999] 3 LNS 8**, yang mana YAA Dato' Abdul Hamid bin Hj. Mohamed menyatakan:

Mengenai rayuan terhadap hukuman, prinsip yang dipakai di Mahkamah Sivil ialah bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah yang lebih rendah melainkan jika Mahkamah itu tersilap pada prinsipnya atau hukuman itu terlalu berlebih-lebihan – Teo Siew Peng v. Public Prosecutor.

Dalam kes Public Prosecutor v. Mohamed Nor & Ors Mahkamah Agung antara lain berkata, adalah suatu prinsip kukuh (establish) bahawa Mahkamah Rayuan keberatan untuk campur tangan atau mengganggu sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah yang lebih rendah melainkan ianya jelas silap dalam ertikata ianya tak sah atau tak bersesuaian dengan fakta yang terbukti atau keadaan kes itu. Saya berpendapat prinsip ini juga boleh dipakai di Mahkamah Syariah (Kes Muhammad Ridhwan Bin Tokiri & Seorang Lagi lwn. Ketua Pendakwa Syarie, JH 34 (2) juga adalah dirujuk.

- [15] Perayu telah memfailkan Notis Rayuan pada 24 Januari 2017 terhadap “keseluruhan keputusan yang memutuskan bahawa hukuman di tahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Sabak Bernam selama enam (6) bulan yang telah berkuatkuasa pada hari ini”
- [16] Frasa tersebut membawa maksud bahawa Perayu ingin merayu terhadap keputusan yang di buat oleh Hakim Bicara di dalam kes tersebut yang melibatkan takat hukuman yang dikenakan kepada Perayu. Oleh kerana Perayu telah membuat pengakuan salah di hadapan Hakim Bicara, rayuan ini hanya memfokuskan berkenaan takat hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara sahaja. Rayuan ini bersandarkan kepada peruntukan Seksyen 136 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyatakan:

Apabila akuan bersalah menghadkan hak rayuan

136. Apabila seseorang tertuduh telah mengaku salah dan disabitkan oleh Hakim atas akuan itu, maka tiada rayuan boleh dibuat kecuali tentang takat atau kesahan hukuman itu”

- [17] Bagi kesalahan ini, Perayu telah dipertuduhkan di bawah peruntukan berdasarkan Seksyen 31 (b) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 memperuntukan:

Khalwat

31. *Mana-mana—*

(a) ...

(b) *orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,*

Di mana-mana tempat terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

[18] Berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negeri ini, jelaslah bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah Mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di dalam Enakmen-Enakmen iaitu di dalam kes ini adalah kesalahan khalwat. Justeru itu juga, berdasarkan kepada peruntukan hukum Syarak dan Undang-undang di atas Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah ini berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes Rayuan Jenayah Syariah yang telah dikemukakan di hadapan Mahkamah ini.

[ISU PERTAMA: ADAKAH HAKIM BICARA TERKHILAF DALAM MENILAI LATAR BELAKANG PERAYU SEBELUM HUKUMAN DIJATUHKAN?]

[19] Mahkamah menegaskan bahawa untuk mensabitkan sesuatu perbuatan sebagai suatu kesalahan ianya perlulah memenuhi elemen-elemen bagi kesalahan tersebut. Kegagalan untuk membuktikan wujudnya elemen-elemen tersebut boleh menyebabkan suatu perbuatan itu tidak boleh disabitkan sebagai suatu kesalahan tersebut. Dalam kesalahan berkhawat, Mahkamah telah pun merujuk kepada alasan penghakiman Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang di muka surat 11 hingga 13 Rekod Rayuan Perayu, yang mana Mahkamah mendapati bahawa Hakim Bicara telah menjelaskan dengan jelas dan terperinci berkaitan elemen-elemen bagi

kesalahan yang diperuntukan di dalam Seksyen 31 (b) Enakeman Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

- [20] Mahkamah melihat kepada elemen-elemen kesalahan sebelum suatu kesalahan tersebut disabitkan. Dalam peruntukan menyebut perkataan “mana-mana” iaitu yang terdiri daripada orang lelaki dan orang perempuan dan ianya juga membawa maksud suatu kesalahan tersebut dilakukan oleh pasangan (lelaki dan perempuan) iaitu berada bersama dengan seorang atau lebih daripada perempuan yang bukan isteri atau mahramnya bagi pesalah lelaki dan bagi pesalah perempuan pula perbuatan berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya. Perkataan berada bersama membawa maksud duduk bersama atau tinggal bersama tanpa mengira berapa lama tempoh pihak-pihak berada bersama.
- [21] Oleh itu, berdasarkan fakta-fakta yang dibuktikan, Mahkamah berpuashati bahawa Perayu ABCD bin WXYZ, No. KP: 1234567 adalah individu yang ditangkap di Chalet Tiang Tembesu, Marang bersama pasangan Perayu. Mahkamah juga mendapati semasa di peringkat membela diri, Perayu hanya membuat rayuan peringanan (mitigasi) dalam keadaan bersahaja ketika prosiding kes berjalan dan tidak menunjukkan bahawa Perayu benar-benar telah insaf dan sedar akan kesalahan yang dilakukan tersebut.
- [22] Mahkamah merujuk kepada petisyen rayuan Perayu yang pertama hingga lapan (a-h) di muka surat 48-50 Rekod Rayuan. Setelah Mahkamah meneliti kepada Rekod Rayuan serta penghujahan Perayu tiada apa-apa fakta dan hujahan yang dikemukakan di Mahkamah yang mana Mahkamah tidak mengambil kira fakta belakang Perayu sebelum menjatuhkan hukuman. Perayu semasa rayuan peringanan (mitigasi) tidak menyatakan kepada Mahkamah bahawa perayu merupakan pesalah kali pertama dan wajar diberi peringanan hukuman terhadap kesalahan tersebut malah tiada apa-apa hujahan yang dikemukakan kepada Mahkamah Yang Mulia ini bagi membolehkan Mahkamah membuat pertimbangan.
- [23] Petisyen rayuan pertama sehingga keempat perayu telah menyatakan kepada Mahkamah bahawa Mahkamah tidak mempertimbangkan pengakuan bersalah dan rasa insaf perayu di atas kesalahan yang dilakukan sebelum menjatuhkan hukuman.

Mahkamah merujuk kepada nota keterangan di muka surat 4 Rekod Rayuan, Perayu semasa rayuan peringanan (mitigasi) hanya menyatakan rayuan seperti berikut:

“sy mohon kurangkan denda dan dibebaskan penjara 2 tahun, sbb sy tdk bekerja, sy ada kongsi dgn kawan-kawan utk sewa bilik tersebut, keluarga sy tidak ambil tahu ttg perihal sy, masih ada ayah, sy anak kedua dari 4 adikberadik, sy dijaga oleh abang-abang angkat sy, salah seorang dr mrk OKT sendiri, mereka yg menanggung sy selama, sy sudah tidak tinggal dgn keluarga dalam 2 tahun, sy belajar sehingga tingkatan 5”.

- [24] Berdasarkan kepada rayuan peringanan (mitigasi) tersebut jelas bahawa bahawa Perayu langsung tidak ada menyebut tentang keinsafan Perayu terhadap kesalahan yang dilakukan oleh Perayu. Malah rasa keinsafan yang dinyatakan oleh Perayu timbul setelah kes ini diperingkat rayuan sahaja bukan diperingkat prosiding kes.
- [25] Seterusnya, Perayu dalam alasan kelima menyatakan bahawa Hakim terkhilaf apabila gagal menasihati dan memberi peluang kepada Perayu untuk mendapatkan khidmat perundangan sebelum pengakuan bersalah. Mahkamah merujuk kepada Nota Keterangan di muka surat 3 Rekod Rayuan yang mana setelah pertuduhan dibacakan kepada Perayu, Perayu menyatakan bahawa dia faham akan pertuduhan tersebut dan mengaku bersalah. Mahkamah sekali lagi bertanya kepada Perayu dan Perayu menyatakan faham hukuman dan masih tetap mengekalkan pengakuan bersalah tersebut.
- [26] Oleh itu berdasarkan kepada nota keterangan dalam Rekod Rayuan tersebut Mahkamah mendapati bahawa Perayu maklum bahawa kesalahan yang dilakukan adalah di dalam keadaan sedar, waras dan tahu bahawa ia adalah salah mengikut hukum Syarak dan undang-undang Islam yang dikanunkan ini seperti mana yang telah dihujahkan oleh Perayu di muka surat 8 bahawa *“bahawa kesalahan berkurung dengan seorang yang bukan muhrim sehinggakan mendatangkan syak adalah perbuatan yang perayu sendiri ketahui kesan dan akibatnya”*. Berdasarkan penghujahan tersebut Perayu bukanlah seorang yang langsung tidak mengetahui tentang asas agama, malah Perayu tahu kesan terhadap perbuatannya itu.

- [27] Malah Perayu di dalam penghujahan di muka surat 7 hujahan Perayu telah menghujahkan bahawa:

“Perayu/OKT sebagai orang awam tidak pernah memahami kaedah atau prosedur sebelum hukuman dijatuhkan mahupun prosedur perbicaraan di Mahkamah sendiri. Dalam keadaan penyesalan, mental Perayu/OKT benar-benar tertekan dan hanya mampu meminta Mahkamah agar meringankan hukuman. Hakikatnya Perayu/OKT sedar akan perlunya memaklumkan Mahkamah tentang alasan-alasan yang telah disebut sebelum ini, tetapi hanya selepas hukuman dijatuhkan.”

- [28] Prinsip undang-undang *“ignorantia juris neminem excusat”* atau *“ignorance of law does not excuse”* adalah terpakai ke atas tertuduh yang dalam erti kata lain membawa maksud:

“kejahilan terhadap undang-undang tidak menjadi satu pengecualian (dari dikenakan hukuman)”.

- [29] Mahkamah merujuk kepada kertas pertuduhan di muka surat 1 Rekod Rayuan yang mana Perayu ditangkap bersama pasangannya pada 8 Oktober 2016 dan pendengaran kes Perayu di Mahkamah Bicara pada 24 Januari 2017. Tempoh dari tangkapan dibuat sehingga pendengaran kes di Mahkamah adalah selama 3 bulan 16 hari. Mahkamah berpendapat bahawa tempoh tersebut adalah suatu tempoh yang lama/cukup masa untuk Perayu mendapatkan khidmat nasihat dari mana-mana Peguam Syarie sebelum membuat pengakuan salah di Mahkamah Yang Mulia ini. Alasan kelima Perayu bahawa dia tidak diberi peluang untuk mendapatkan khidmat nasihat dari Peguam hanyalah alasan Perayu semata-mata. Ini kerana sikap terlalu mengambil mudah Perayu terhadap kesalahan tersebut malah Perayu sendiri yang tidak berusaha untuk mendapatkan khidmat Peguam.

- [30] Seterusnya Mahkamah merujuk kepada alasan rayuan keenam dan kelapan Perayu. Perayu menyatakan bahawa sepanjang menunggu rayuan dijalankan perayu berada di dalam keadaan tertekan dan sentiasa memikirkan nasib perayu. Perayu juga dalam proses untuk berkahwin dengan pasangan Perayu semasa ditangkap. Mahkamah

berpendapat bahawa tekanan yang dihadapi oleh Perayu adalah kerana Perayu terlalu memikirkan hukuman yang dikenakan kepada Perayu. Malah Perayu merasakan apabila ditahan di Pusat Perlindungan merupakan suatu hukuman yang berat sehingga boleh menimbulkan kesan negatif kepada Perayu. Malah hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah kepada Perayu merupakan hukuman alternatif yang telah diperuntukkan di dalam enakmen.

- [31] Alasan rayuan ketujuh Perayu telah menyatakan bahawa Hakim Bicara terkhilaf apabila membuat keputusan dengan tidak meneliti dengan lebih lanjut latar belakang Perayu yang mempunyai seorang bapa yang mengalami penyakit angin ahmar (strok) dan Perayu bergilir-gilir dengan adik-beradik menjaga bapa Perayu yang perlu mendapat rawatan susulan di Hospital. Mahkamah sekali lagi merujuk kepada nota keterangan di muka surat 4 Rekod Rayuan mengenai rayuan peringanan (mitigasi) Perayu iaitu:

“sy mohon kurangkan denda dan dibebaskan penjara 2 tahun, sbb sy tdk bekerja, sy ada kongsi dgn kawan-kawan utk sewa bilik tersebut, keluarga sy tidak ambil tahu ttg perihal sy, masih ada ayah, sy anak kedua dari 4 adikberadik, sy dijaga oleh abang-abang angkat sy, salah seorang dr mrk OKT sendiri, mereka yg menanggung sy selama, sy sudah tidak tinggal dgn keluarga dalam 2 tahun, sy belajar sehingga tingkatan 5”.

- [32] Dalam rayuan peringanan tersebut Perayu langsung tidak menyatakan bahawa bapa Perayu sedang sakit dan alasan Perayu ini merupakan fakta yang baru ditimbulkan semasa Penggantungan Perintah Hukuman. Mahkamah merujuk kepada Perintah Penggantungan Hukuman di muka surat 51 Rekod Rayuan yang mana Perayu telah memohon kepada Mahkamah seperti berikut *“mohon utk jaminan direndahkan dan tidak dikecualikan penjamin. Sy sekarang tengah jaga ayah dan ayah sedang sakit. Sy bekerja jual online baru mula kerja”*. Mahkamah berpendapat bahawa Perayu menggunakan alasan bahawa bapa Perayu sakit adalah merupakan fikiran semula Perayu setelah dijatuhkan hukuman. Mahkamah percaya bahawa selain fakta baru yang dikemukakan di Mahkamah, ini adalah satu *afterthought* juga kerana Perayu menggunakan alasan bapa sakit setelah Perayu dijatuhkan hukuman untuk meraih simpati Mahkamah.

[33] Mahkamah merujuk kepada kes **David Wong Hon Leong lwn. Noorazman bin Adnan (1995) 4 CLJ** bahawa:-

Later, after the Court resumed the hearing, Counsel informed the learned Judge that a report had been lodged during the adjournment. This led to the following exchange between the Judge and Counsel:

Mr. Mahalingam

My client has lodged a report just now.

Chan J.: You have missed the point. What I have told you before the lunch break is that your client has admitted to me just now through you that he has committed a criminal offence in that he had paid over a sum of money for the purpose of bribery. I then adjourned the matter for you to think it over and to be careful of what you say. So by what you have just told us, you are still insisting that the defence is that your client was a party to a crime. This leaves me with no choice but to adjourn the matter so that I can take the necessary steps to inform the police.

Adjourned to Monday (4 October 1993).

The affidavit exhibiting the police report came on file on 6 October 1993.

We entirely agree with the approach of the learned Judge to the weight to be given to the failure of the appellant to timeously lodge a report with the police. Further, an examination of the conduct of the appellant after the commencement of the litigation; his failure to raise this matter at the earliest opportunity in his first affidavit, and producing it, as a conjurer does, like a rabbit out of a hat; leaves us in no doubt, as it did the learned Judge, that the tale was an afterthought, the machinations of a desperate litigant trying every trick in the book to escape judgment being entered against him.

- [34] Perayu juga dalam rayuan peringanan (mitigasi) menyatakan bahawa “*keluarga sy tidak ambil tahu ttg perihal sy, masih ada ayah, sy anak kedua dari 4 adikberadik, sy dijaga oleh abang-abang angkat sy, salah seorang dr mrk OKT sendiri, mereka yg menanggung sy selama, sy sudah tidak tinggal dgn keluarga dalam 2 tahun*”. Berdasarkan mitigasi tersebut Perayu menyatakan bahawa dia tidak lagi tinggal dengan keluarga selama 2 tahun dan hanya dijaga dan ditanggung oleh abang-abang angkat Perayu. Mahkamah sekali lagi menegaskan bahawa Perayu menggunakan alasan bapa sakit adalah untuk meraih simpati Mahkamah sahaja.
- [35] Mahkamah setelah melihat statistik kes di bawah Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 selama tempoh tiga tahun adalah semakin meningkat yang mana masih ramai lagi pasangan (lelaki dan perempuan) yang beragama Islam berada bersama di suatu tempat yang boleh meimbulkan syak yang mana pasangan ini sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral. Ini kerana hukuman yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah tersebut tidak dijadikan pengajaran dan sandaran kepada masyarakat.
- [36] Oleh itu, antara faktor penting yang perlu diberi perhatian sebelum hukuman dapat dijatuhkan adalah besar harapan Mahkamah jika hukuman yang bakal dikenakan kelak mampu menjadi iktibar, pengajaran, peringatan dan balasan bukan sahaja kepada Perayu malah kepada semua masyarakat Islam supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.
- [37] Antara parameter yang boleh dijadikan asas pertimbangan dalam menentukan sesuatu hukuman antaranya:
- i. Besar atau kecil kesalahan yang dilakukan
 - ii. Rayuan pihak-pihak
 - iii. Pendapatan dan tanggungan pihak-pihak
 - iv. Kesan dan akibat hukuman ke atas pihak-pihak
- [38] Mahkamah dalam memutuskan hukuman terhadap pesalah telah mengambil kira mitigasi yang telah dinyatakan oleh Tertuduh ketika prosiding berjalan. Mahkamah merujuk kepada kes **PP Iwn. Wong Wai Kiat [2009] 1 LNS 1019** di mana di dalam

kes ini, Yang Arif Hakim telah mengambil kira faktor mitigasi yang dikemukakan oleh tertuduh sebelum membuat apa-apa penghakiman.

“Sebelum menjatuhkan hukuman ke atas OKT dalam kes ini, saya telah mengambil kira semua faktor mitigasi yang dikemukakan oleh peguamcara terpelajar dan oleh OKT sendiri. Antara faktor mitigasi yang telah saya ambil kira yang memihak kepada OKT adalah pengakuan bersalah OKT kepada tuduhan pilihan sebaik sahaja ianya ditawarkan kepada beliau”.

- [39] Mahkamah juga telah merujuk kepada artikel yang ditulis oleh mantan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Yang Amat Arif, Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Hj Abdul Rahman dalam artikel bertajuk “Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah Satu Penilaian – Jurnal Hukum (1426H), Rabiulawal 1426H/Mei 2005. Antara yang dinyatakan adalah:

“biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, hakim syarie akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan faktor yang meringankan hukuman.

Setelah kedua-dua faktor ini diambil kira dan dipertimbangkan, barulah hukuman dijatuhkan. Secara tersuratnya, inilah asas pertimbangan hakim-hakim syarie sebelum hukuman dijatuhkan.

Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinan, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukan yang tinggi, kekerapan kesalahan yang dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa kesalahan dilakukan.”

[40] Justeru itu, berdasarkan huraian-huraian di atas, Mahkamah telah membuat pertimbangan yang sewajarnya dengan melihat kepada latar belakang Perayu, kehidupan Perayu sebelum Mahkamah menjatuhkan hukuman kepada Perayu.

[ISU KEDUA: ADAKAH HUKUMAN YANG DIJATUHKAN KE ATAS PERAYU ADALAH RELEVAN ATAU PERLU DIAKASKAN?]

[41] Dalam isu ini, Mahkamah merujuk kepada hukuman yang telah dijatuhi oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang iaitu ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor selama 6 bulan.

[42] Merujuk kepada Petisyen Rayuan, Mahkamah mendapati Perayu pada keseluruhan di dalam petisyennya tidak menyebut bahawa hukuman yang dijatuhi oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang terhadapnya sama ada berat atau melampau dan sebagainya. Petisyen Rayuan Perayu adalah lebih fokus dan berkisarkan kepada kekhilafan Hakim Bicara dalam soal menjatuhkan hukuman keatas Perayu. Ini bermakna, matlamat utama rayuan dibuat agar Perayu diberikan hukuman yang lebih ringan berbanding dengan hukuman yang telah dijatuhkan. Tindakan Perayu seolah-olah yakin bahawa Mahkamah Yang Mulia ini akan mengakas keputusan Mahkamah terdahulu.

[43] Namun, Rayuan di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah ini sebagai Mahkamah Atasan iaitu Mahkamah yang berbidangkuasa untuk mengulas beberapa persoalan penting yang mungkin tidak diambil berat oleh Perayu. Merujuk kepada Penghakiman yang diberi oleh Hakim Bicara dalam kes ini, antara persoalan yang dilihat, adakah hukuman yang dijatuhi tersebut masih termasuk di dalam had yang diperuntukkan dalam undang-undang yang dikanunkan?

[44] Bagi menjawab persoalan ini, Mahkamah merujuk kepada Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang memperuntukkan hukuman seperti berikut:

Khalwat

31. *Mana-mana—*

(a) ...

(b) *orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya,*

*Di mana-mana tempat terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan **boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.***

[45] Berdasarkan peruntukan di atas, Hakim Bicara telah menggunakan budibicara sewajarnya dan setelah mengambil kira semua fakta yang perlu dipertimbangkan sebelum menjatuhkan hukuman terbaik kepada Perayu dengan hukuman ganti kepada hukuman asal seperti yang diperuntukan di dalam Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.

[46] Mahkamah merujuk kepada Seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukan bahawa:

Kuasa untuk melepaskan dengan syarat atau tanpa syarat

97. (1) ...

(2) *Apabila mana-mana orang dipertuduh di hadapan Mahkamah atas suatu kesalahan yang boleh dihukum oleh Mahkamah itu, dan Mahkamah mendapati bahawa pertuduhan itu telah dibuktikan, tetapi berpendapat bahawa dengan mengambil kira watak, latar belakang, umur, kesihatan atau keadaan mental orang yang dipertuduh itu, atau kepada hakikat ringannya jenis kesalahan itu, atau kepada hal keadaan peringan yang dalamnya kesalahan itu telah dilakukan, adalah tak suaimanfaat untuk mengenakan apa-apa hukuman selain daripada suatu hukuman nominal atau bahawa adalah*

suaimanfaat melepaskan pesalah itu dalam cubaan akhlak, Mahkamah boleh, tanpa merekodkan suatu sabitan, membuat perintah –

(a) ...

(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi 6 bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; atau

(c) ...

- [47] Bagi melaksanakan sepertimana yang diperuntukan di dalam seksyen di atas, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 telah memperuntukkan perihal tempat yang telah diluluskan oleh Majlis. Seksyen 66 memperuntukkan seperti berikut:

Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan

66. Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Enakmen ini.

- [48] Oleh kerana Seksyen 31 merupakan kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan, Mahkamah Yang Mulia ini berbidangkuasa untuk mengkomitkan mana-mana pesalah kerumah yang telah diluluskan sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Seksyen 66 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Mahkamah juga merujuk kepada Seksyen 68 Enakmen yang sama yang memperuntukkan bahawa:

Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan

68. Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman ditentukan bagi kesalahan itu,

memerintahkan orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

- [49] Justeru itu, hukuman yang dikenakan kepada Perayu di tahan di Pusat Perlindungan selama tempoh 6 bulan juga merupakan hukuman berbentuk takzir dan ianya merupakan hukuman ganti kepada hukuman mengikut Seksyen 31 tersebut.
- [50] Mahkamah berpendapat terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dalam menentukan jenis dan kadar hukuman yang bakal dijatuhkan kepada pesalah. Faktor pertama adalah besar atau kecil sesuatu kesalahan yang dilakukan. Kesalahan dibawah Seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 merupakan kesalahan berat di sisi hukum Syarak. Tahap beratnya sesuatu kesalahan itu dinilai daripada perbuatan/ kesalahan itu sendiri kerana ia termasuk salah satu dosa besar. Perayu dalam kes ini berada dalam keadaan yang boleh membawa kepada zina atau disebut juga muqaddimah zina. Firman Allah s.w.t dalam surag al-Israa ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksud:

“Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk”.

- [51] Faktor kedua ialah dengan mengambil kira faktor usia Perayu ketika kesalahan dilakukan. Perayu dalam kes ini ditangkap semas berusia 23 tahun. Secara umumnya, di usia yang masih muda Perayu seharusnya lebih berhati-hati dalam menyusun kehidupan di masa hadapan. Ini kerana semasa mitigasi yang dibuat oleh Perayu, Mahkamah berpendapat bahawa kehidupan Perayu terlalu bebas bergaul. Malah Perayu telah tidak tinggal dengan keluarga selama 2 tahun dan dijaga dan ditanggung oleh abang-abang angkat Perayu yang mana mereka bukanlah mahram kepada Perayu.

- [52] Ketiga adalah faktor kepentingan awam. Dalam kes ini sesuatu hukuman yang akan dijatuhkan oleh Hakim Bicara terhadap Perayu hendaklah mengambil kira aspek kepentingan awam. Persoalan tentang hukuman yang diputuskan itu adakah dapat memberi kesedaran kepada orang awam dan boleh menjadikan sebagai suatu pencegahan kepada mereka daripada mengulangi perlakuan jenayah tersebut? Implikasi hukuman kepada masyarakat awam adalah menjadi satu tanggungjawab seseorang dalam memberi penghukuman. Bagi seorang Hakim perlu untuk memahami bahawa sesuatu kesalahan yang dilakukan pesalah tidak terhenti sekadar setelah hukuman dijatuhkan olehnya, bahkan ia jauh daripada itu.
- [53] Seseorang Hakim yang baik akan memandang hukuman yang dijatuhinya dari sudut pandang hadapan. Tanggungjawab dalam perundangan tidak dinafikan telah terpenuhi, namun adakah implikasi hukuman itu mencukupi untuk menginsafkan Perayu daripada mengulangi kesalahannya. Hakim Bicara juga perlu bijak menilai adakah hukuman tersebut sebagai hukuman yang boleh mengurangkan kadar *residivisme (kecenderungan melakukan jenayah)* dalam perlakuan jenayah. Seterusnya, memandang aspek yang lebih luas, adakah hukuman itu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai rasa gerun untuk melakukan kesalahan kerana takutkan Allah SWT bukan setakat kerana hukuman yang ada semata-mata. Oleh itu, Hakim Bicara perlu memilih bentuk hukuman yang dirasakan sesuai dan berpatutan.
- [54] Merujuk kepada kes rayuan *Abdul Wahab lwn Timbalan Pendakwa Selangor* [1402] JH 208, memetik kata-kata Hakim Haji Mohammed Azmi bin Dato Haji Kamaruddin menyebut :
- “Apabila menimbangkan sesuatu hukuman, faktor yang sehabis penting adalah kepentingan umum (public interest). Ini bergantung kepada banyak fakta-fakta seperti beratnya kesalahan yang telah dilakukan sama ada tertuduh seorang penjenayah yang tidak mungkin bertaubat dan sebagainya”.*
- [55] Dalam hal ini, kaedah *fiqhiyyah* juga ada menggariskan bahawa,

المصلحة العامة تقدم على المصلحة الخاصة

Maksudnya :

“Perbuatan mencakupi kepentingan umum lebih diutamakan daripada kepentingan sendiri”.

[56] Mahkamah merujuk kepada isu kepentingan awam ini, Mahkamah mengambil panduan dalam kes *Abdul Razak Othman lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka* [2009] JH 29 (2), Mahkamah Rayuan Melaka menyatakan ;

*“dalam mempertimbangkan hukuman antara prinsip dan faktor yang utama adalah **kepentingan umum atau masalah ‘ammah** dan bergantung pada beratnya kesalahan yang dilakukan Perayu”.*

[57] Oleh itu, Mahkamah bersetuju dan berpuashati dengan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara dan Mahkamah berpendapat ianya adalah suatu hukuman yang bersesuaian dan relevan serta selari dengan prinsip-prinsip perundangan berdasarkan pertimbangan kepada panduan-panduan penentuan hukuman di dalam undang-undang Islam. Mahkamah dengan ini *mengekalkan* hukuman yang telah dibuat oleh Hakim Bicara dalam kes ini.

[KEPUTUSAN MAHKAMAH]

1. Permohonan Rayuan Jenayah Perayu, **ABCD bin WXYZ**, [No. **KP: 1234567**] terhadap keputusan hakim bicara dalam kes 11008-143-XXXX-2017 ditolak Mahkamah.
2. **SAYA PERINTAHKAN** hukuman hakim bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marag bertarikh 24 Januari 2017 nombor kes 11008-143-XXXX-2017 DIKEKALKAN. Hukuman berkuatkuasa serta merta pada hari ini.

DIBERI DI BAWAHH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah, Terengganu pada hari Isnin, 28 Muharram 1443H bersamaan 6 September 2021.

(METERAI)

HAKIM